

21/08/2001

Kabinet bincang masalah sosial

MELAKA, Isnin - Kabinet akan mengadakan mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi membincangkan gejala sosial yang melanda masyarakat sekarang, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, mesyuarat khas itu akan diadakan selepas Perdana Menteri pulang dari luar negara kerana laporan gejala sosial itu sudah dikemukakan dalam mesyuarat Kabinet minggu lalu.

Laporan itu disediakan oleh jawatankuasa menangani gejala sosial yang dipengerusi Timbalan Perdana Menteri manakala sekretariatnya ialah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Sosial.

"Saya cadangkan dalam mesyuarat Kabinet lalu untuk diadakan mesyuarat khas bila Perdana Menteri balik kerana Dr Mahathir sendiri hendak mengetahui maklumat gejala sosial yang melanda masyarakat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan tambahan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Bukit Beruang dekat sini, hari ini.

Abdullah berkata, ibu bapa berperanan penting membentuk jiwa anak-anak dengan nilai baik semasa kecil supaya mereka tidak terus terbabit dengan kegiatan yang boleh merosakkan mereka berikutan banyak gejala buruk yang berlaku dalam masyarakat sekarang.

Selepas itu, katanya, guru di sekolah juga berperanan penting kerana selain memberi ilmu pengetahuan, pelajar diberi didikan taat setia kepada negara dan raja.

"Mereka perlu dibentuk berjiwa patriotik serta menjadi anak muda yang tiada perasaan prejudis terhadap kaum dan agama lain," katanya.

(END)